



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 1/2010
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jabatan Perdana Menteri sukacita menyampaikan ucapan Selamat Tahun Baru Masehi dan seterusnya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas segala usaha kerjasama serta sokongan yang telah diberikan oleh semua anggota perkhidmatan awam diseluruh Negara termasuk mereka yang bertugas di Kedutaan-Kedutaan Besar dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan diseberang Laut, kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di sepanjang tahun Masehi 2009.

Tahun 2010 adalah titik bermulanya Skim Persaraan Caruman Tambahan atau SCP bagi kedua sektor awam dan swasta, khususnya bagi warga perkhidmatan awam di bawah Skim Tabung Amanah Pekerja atau TAP. Kejayaan serta penghayatan skim baru ini diharap akan mendorong perubahan minda iaitu dari sebuah masyarakat consumer (consumer society) kepada sebuah masyarakat yang lebih peka kepada kesejahteraan dimasa hadapannya, antarlain melalui langkah-langkah penjimatan serta perbelanjaan yang lebih berperancangan strategik.

Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena tahun baru masehi 2010 telah menggariskan beberapa perkara yang perlu diberikan penumpuan dan seterusnya dilaksanakan oleh Warga Perkhidmatan Awam. Di antara isi kandungan titah adalah supaya kita akan dapat membuat perancangan-perancangan besar bertujuan untuk menyiapkan diri dalam menghadapi segala cabaran dan rintangan dengan lebih efektif di masa yang akan datang. Mana-mana prosis-prosis dan dasar-dasar yang menjurus kepada meningkatkan kesejahteraan rakyat dan penduduk hendaklah kita teliti dan perbaiki. Kedudukan Negara Brunei Darussalam pada kedudukan 96 daripada 183 buah Negara di dalam Laporan "Doing Business 2010" yang dikeluarkan oleh *World Bank*, perlulah kita perbaiki. Integriti diri dan organisasi haruslah juga dipelihara.

Dalam masa yang sama, Wawasan Negara 2035 perlu kita hayati sedalamnya dan pelan strategik Kementerian dan Jabatan, jika perlu, hendaklah diselaraskan dengan objektif Wawasan berkenaan. Kita perlu bersikap pro-aktif dan kompetitif lagi komited sebagai agen utama pembangunan Negara bagi memastikan kemakmuran yang berpanjangan. Sementara itu, produktiviti dan kualiti kerja haruslah dipertingkatkan. Dengan adanya asas-asas ini, Insya Allah kita akan beroleh kejayaan, dan sumbangan kita kepada Negara akan lebih berkesan serta pada masa yang sama diredhai oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Akhirnya, sempena tahun baru ini Jabatan Perdana Menteri berharap supaya semua pegawai dan kakitangan dalam Perkhidmatan Awam akan dapat meneruskan semangat dan azam untuk mempertingkatkan mutu perkhidmatan agar hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya melalui Wawasan Brunei 2035 akan dapat dicapai dengan penuh kejayaan. Kita semua tidak lupa berdoa kehadrat Allah Subhanahu Wata'la agar Negara kita Brunei Darussalam akan dilimpahkan kurnia dan hidayah agar kekallah kita menikmati keamanan dan kemakmuran serta dilindungi dari segala bala dan bencana. Aamiin.

SELAMAT TAHUN BARU 2010

[DATU PADUKA HAJI ALI BIN APONG]

Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA 1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan : (1) JPM/SK/2010
Tarikh : 30 Muharram 1431 / 16 Januari 2010